

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PENYEWAAN KEDIAMAN PELAJAR YAYASAN MELAKA JALAN TUN ALI MELAKA

1. **Kadar Sewaan**

Kadar sewaan yang perlu dibayar oleh pelajar adalah seperti berikut:

< RM160.00 sebulan (termasuk air & elektrik)

< RM35.00 - bayaran pendaftaran untuk satu semester

1.1 Penempatan pelajar dan penentuan bilik akan ditentukan oleh Yayasan Melaka bergantung kepada kekosongan unit. Yayasan Melaka berhak memasukkan penyewa baru sekiranya kekosongan disetiap bilik.

1.2 Notis penamatan sewa perlu dibuat secara bertulis kepada Yayasan Melaka satu(1) bulan sebelum penyewaan ditamatkan (atas sebab berhenti atau ditamatkan oleh IPT sahaja). Surat rasmi IPT perlu dilampirkan bersama dan menyatakan sebab-sebab berhenti atau ditamatkan. Bayaran sewaan asrama tidak akan dipulangkan kepada pelajar sekiranya pelajar ingin keluar dan menginap ditempat lain.

1.3 Caj tambahan sewaan akan dikenakan kepada pelajar yang masih tinggal dikediaman ketika waktu cuti semester sedang berjalan.

2. **Pembelian Stiker elektrik**

2.1 Semua peralatan elektrik yang dibenarkan sahaja perlu didaftarkan di Pejabat Pengurusan Yayasan Melaka dengan caj bayaran RM10.00 setiap barang (kipas, seterika, heater dan lampu belajar) seminggu selepas pendaftara *kecuali* peralatan komputer.

2.2 Sekiranya barangan elektrik tersebut tidak didaftarkan, pihak pengurusan berhak menyita dan merampas barangan tersebut serta barangan tersebut akan dikembalikan semula pada akhir semester dengan denda RM50.00 untuk setiap barang.

3. **Pembelian stiker kenderaan**

3.1 Pelajar yang membawa kenderaan perlu mendaftar dan mendapatkan pas parking kenderaan dengan bayaran untuk satu (1) semester (seminggu selepas pendaftaran) :

> Parking Motosikal -RM10.00

> Parking Kereta -RM50.00

(Bawa salinan lesen memandu, salinan geran serta surat kebenaran dari ibu/bapa/adikberadik yang dibenarkan beserta salinan kad pengenalan).

3.2 Para-pelajar yang tidak mendaftar kenderaan dan menyalah gunakan Parkir Kenderaan akan dikenakan Denda (clamp) RM50.00 bagi setiap kesalahan.)

4. **Kunci rumah**

4.1 Pelajar akan dibekalkan dengan dua kunci merangkumi satu(1) kunci pintu utama dan satu(1) kunci pintu bilik masing-masing.

4.2 Sebarang kehilangan kunci perlulah dilaporkan dan bayaran denda sebanyak RM5.00 akan dikenakan bagi setiap salinan pendua kunci.

4.3 Pemulangan/penghantaran kunci perlulah dibuat di pejabat pengurusan atau dipos pengawal sebaik penamatan sewaan dibuat.

4.4 Kegagalan pelajar untuk memulangkan kunci akan mengakibatkan mereka ditolak untuk tinggal dikediaman Yayasan Melaka disemester berikut.

5. **Scan (Pengimbas) IC**

5.1 Para pelajar perlulah mengimbas kad pengenalan (IC) bagi tujuan keluar masuk dari jam 10.00 malam sehingga 12.00 malam setiap hari dipondok pengawal.

6. **Laporan kerosakan**

6.1 Pelajar dikehendaki membuat laporan segala kerosakan melalui borang aduan yang disediakan.

7. **Larangan**

7.1 Larangan membawa orang luar menginap di kediaman tanpa kebenaran, sekiranya arahan ini tidak dipatuhi, pihak pengurusan akan mengambil tindakan mengusir keseluruhan penghuni kediaman kerana bersubahat.

7.2 Perbuatan vandalisma yang mengakibatkan kerosakan dalaman atas rumah sewaan contoh : pecahpintu, pergaduhan dll, akan dikenakan blacklist atau denda atas mana-mana kesalahan yang berkaitan.

7.2 Dilarang mengalihkan/mengubah kedudukan segala kemudahan yang disediakan kepada pelajar didalam bilik masing-masing (almari, meja, katil &tilam) dari kedudukan asal atau mengambil dari bilik2 yang lain.

7.3 Larangan keras kepada yang membawa masuk orang luar menginap(squartermen) dikediaman tanpa kebenaran, sekiranya arahan ini tidak dipatuhi, pihak pengurusan akan mengambil tindakan mengusir keseluruhan penghuni dikediaman kerana bersubahat.

7.4 Larangan parkir di kawasan berbumbung serta kawasan yang telah ditetapkan

7.5 Larangan membuat baikpulih sendiri kerosakan yang berlaku, pihak pengurusan tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku perkara-perkara yang diingini kesan daripada tindakan tersebut.

7.6 Larangan membawa barangan elektrik terlarang iaitu selain daripada 4 item diatas dipara 2.

8. Penyewa adalah tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh pengurusan bangunan. Pelajar yang melanggar peraturan akan dikenakan tindakan dan jika kesalahan dilakukan, pelajar akan dikeluarkan serta merta.